



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Menara Kinabalu,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld. (7) (42)  
Tarikh : 01 Oktober 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Mayor Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu  
Presiden Majlis Perbandaran Tawau  
Pengarah Pejabat Perhubungan Kerajaan Negeri Sabah  
Presiden Majlis Perbandaran Sandakan  
Presiden Majlis Perbandaran Penampang  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil  
Semua Bendahari Cawangan

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 06/2024 PINDAAN KEPADA KOD OBJEK SEBAGAI 21000 DAN 27000 DALAM PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 12 TAHUN 2007**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan pada muka surat 7 lampiran Panduan Struktur Kod Perakaunan iaitu di bawah kod objek am 20000 Perkhidmatan dan Bekalan dalam Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12/2007, mengenai takrifan kod objek sebagai 21000 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia: Penjenisan Bagi Kod Hasil dan Perbelanjaan.
- 1.2 Selain itu, surat pekeliling ini juga bertujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan pada muka surat 10 lampiran Panduan Struktur Kod Perakaunan iaitu di bawah kod objek am 20000 Perkhidmatan dan Bekalan dalam Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12/2007, mengenai had pembelian perolehan di bawah kod objek sebagai 27000 selaras dengan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.3/2022.

#### **2.0 PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 12 TAHUN 2007**

- 2.1 Perenggan 3 pada lampiran Panduan Struktur Kod Perakaunan muka surat 7, di bawah kod objek 20000 Perkhidmatan Dan Bekalan, Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12 Tahun 2007 adalah digantikan dengan perenggan seperti berikut:

**“SABAH MAJU JAYA”**



**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 06/2024  
PINDAAN KEPADA KOD OBJEK 21000 DAN 27000 DALAM PEKELILING JABATAN BENDAHARI  
NEGERI BILANGAN 12 TAHUN 2007**

---

**“21000 Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup**

- Objek Sebagai ini adalah untuk merekodkan tuntutan perbelanjaan untuk perjalanan dan sara hidup yang dibuat oleh semua kakitangan dalam Perkhidmatan Awam sama ada untuk menjalankan tugas-tugas rasmi ataupun mengikuti latihan (termasuk tuntutan oleh pekerja-pekerja kontrak, sambilan dan separuh masa yang hendaklah direkodkan di bawah kategori untuk tuntutan Kakitangan Awam).

2.2 Perenggan 3 pada lampiran Panduan Struktur Kod Perakaunan muka surat 10, di bawah kod objek am 20000 Perkhidmatan Dan Bekalan, di bawah kod objek sebagai 27000 Bekalan dan Bahan-bahan lain : Barang-barang Tak Luak (*non-expendable items*), Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 12 Tahun 2007 adalah digantikan dengan perenggan seperti berikut:

**“Aset Alih Bernilai Rendah (Aset Alih Tidak Dipermodalkan)**

- Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap unit.

**3.0 TARIKH KUATKUASA**

Pindaan seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 2025.

**4.0 PENUTUP**


5.1 Jika terdapat kemusykilan dalam melaksanakan surat pekeliling ini, sila berhubung dengan Seksyen Akaun Utama, Bahagian Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon **088-368590** atau emel kepada [Celorline.Jaikul@sabah.gov.my](mailto:Celorline.Jaikul@sabah.gov.my)

Sekian dan terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA )**  
Bendahari Negeri

...3/-

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan: (A)100-4/10 Jld. (7) (40)

Tarikh : 01 Oktober 2024

**SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 06/2024  
PINDAAN KEPADA KOD OBJEK 21000 DAN 27000 DALAM PEKELILING JABATAN BENDAHARI  
NEGERI BILANGAN 12 TAHUN 2007**

---

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit Negeri Sabah  
Wisma Audit Sabah  
KM 2.4, Jalan Tuaran  
Beg Berkunci 2021  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah  
Jabatan Audit Dalam  
Tingkat 4, Blok C, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**